

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1987/88

PLG 313 - Kaedah Mengajar Fizik II

Tarikh: 11 April 1988

Masa: 2.15 ptg - 4.15 ptg
(2 jam)

Jawab semua soalan.

1. Ujikaji dalam makmal adalah satu bahagian yang besar dan penting dalam SPM Fizik di sekolah menengah. Apakah peranan-peranan ujikaji-ujikaji untuk membantu kefahaman murid-murid tentang matapelajaran Fizik? Dalam jawapan anda pertimbangkan peranan ujikaji dari beberapa segi (termasuk dari segi teori-teori pembelajaran dan dari segi isi matapelajaran fizik iaitu, apakah makna memahami fizik). Jelaskan jawapan anda dengan contoh-contoh fizik sendiri.

(35 markah)

2. Apakah makna "konsep" dalam matapelajaran fizik? Terangkan ciri-ciri dan tujuannya. Bincangkan kepentingan pembelajaran konsep dalam pembelajaran Fizik. Huraikan ide "peta-konsep" dalam pengajaran Fizik.

(35 markah)

3. (a) Huraikan secara ringkas fungsi-fungsi kaedah perbincangan dalam pengajaran-pembelajaran Fizik di sekolah Menengah.

(15 markah)

- (b) Tan (1986) telah mencadangkan bahawa memahami Fizik adalah beberapa aspek-aspek penting. Terangkan secara ringkas bahagian-bahagiannya dan perhubungan antara bahagian-bahagian itu.

(15 markah)

oooOooo

